

Appendix B2: Identification of Time Expression “sudah” and “telah” depicting Past Tense in Liga Si Rambut Merah (Text MRH)

Appendix B2: Identification of Time Expression “sudah” and “telah” depicting Past Tense in Liga Si Rambut Merah (Text MRH)

Title : Liga Si Rambut Merah
 Author : Arthur Conan Doyle
 Translator : Juneta Zawawi

M/RH/S1	Satu hari, pada musim luruh yang lalu, saya melawat teman saya, Sherlock Holmes.
M/RH/S2	Dia tampak begitu asyik berbual dengan seorang lelaki pertengahan umur, berbadan gempal, berwajah cerah kemerah-merahan dan berambut merah bara.
M/RH/S3	Ketika saya meminta maaf kerana menerpa masuk dan berkira-kira mahu berundur, Holmes menyentap tangan saya dan menarik saya masuk lalu menutup pintu.
M/RH/S4	“Tuan Watson, tuan ini memang langkah kanan,” kata Holmes mesra.
M/RH/S5 (i) M/RH/S5 (ii)	“Saya tidak mengganggukah? Tuan nampak sedang berbincang tadi.”
M/RH/S6	“Memang, memang kami sedang berbincang.”
M/RH/S7	“Sekiranya begitu, saya tunggu di bilik sebelah sahajalah.”
M/RH/S8 (i) M/RH/S8 (ii) M/RH/S8 (iii)	“Tidak mengapa. Tuan Wilson, ini rakan kongsi dan juga pembantu saya. Dia banyak menolong saya menyelesaikan pelbagai kes dan saya yakin beliau juga banyak membantu saya dalam kes tuan ini.”
M/RH/S9	Lelaki itu bangun dari tempat duduknya sambil menghulurkan tangan bagi berjabat.
M/RH/S10	Matanya yang agak sepet mengerling kami dengan penuh tanda tanya.
M/RH/S11 (i) M/RH/S11 (ii)	“Marilah! Duduklah sekali di sini,” kata Holmes sambil melabuhkan diri di kerusi kegemarannya.
M/RH/S12	Jari-jemarinya di genggam kemas, memang begitulah kebiasaannya apabila dia membincangkan hal-hal yang serius.
M/RH/S13 (i) M/RH/S13 (ii)	“Watson, saya tahu tuan pun suka benda-benda aneh dan pelik. Tuan pun sudah banyak kali membuktikannya apabila tuan mencatat dan tidak keterlaluan sekiranya saya katakan, tuan membantu mencantikkan

	lagi siasatan saya.”
M/RH/S14	“Kes yang tuan kendalikan memang menarik minat saya,” jawab saya.
M/RH/S15	“Pasti Tuan masih ingat lagi pesanan Cik Mary Sutherland, ‘Apabila bertembung dengan sesuatu yang aneh dan lain daripada yang lain, kita mestilah berpijak di bumi nyata yang selalunya jauh lebih mencabar daripada apa yang dapat kita bayangkan.’”
M/RH/S16	“Satu pendapat yang saya ragui.”
M/RH/S17 (i) M/RH/S17 (ii) M/RH/S17 (iii) M/RH/S17 (iv) M/RH/S17 (v) M/RH/S17 (vi) M/RH/S17 (vii) M/RH/S17 (viii) M/RH/S17 (ix) M/RH/S17 (x) M/RH/S17 (xi)	<p>“Betul, memang betul, Doktor Watson.</p> <p>Tetapi tuan mesti cuba memahami apa yang saya lihat.</p> <p>Sekiranya tidak, saya akan terus-terusan mencungkil fakta, satu demi satu daripada tuan sehinggalah saya dengar alasan yang secocok dengan apa yang saya nampak, dan mengesahkan yang saya tidak silap.</p> <p>Tuan Jabez Wilson ini datang berjumpa saya pagi ini dan menceritakan sesuatu yang saya pasti antara yang paling menarik pernah saya dengar.</p> <p>Tuan pasti masih ingat lagi dahulu saya pernah sebut perkara paling pelik dan paling unik sering berkait dengan jenayah yang kecil-kecil sahaja, bukannya dengan jenayah yang besar besar.</p> <p>Kadang-kadang, timbul juga rasa berbelah bagi sama ada satu-satu jenayah itu betul-betul berlaku ataupun tidak.</p> <p>Setakat yang sudah saya dengar, amat sukar bagi saya katakan sama ada kes ini satu jenayah ataupun tidak, tetapi yang pastinya ia sesuatu yang paling menarik pernah saya dengar.</p> <p>Tuan Wilson, boleh tuan ulang cerita tuan tadi?</p> <p>Saya minta tuan ulang ini bukannya kerana sahabat saya, Doktor Watson ini belum dengar lagi cerita tuan, tetapi kerana saya mahu mendapatkan setiap butir terperinci daripada tuan sendiri.</p> <p>Kebiasaannya, apabila saya sudah mula nampak tanda ataupun bayangan satu-satu kejadian itu, dengan pengalaman daripada kes-kes sebelum ini, dapatlah saya ke langkah seterusnya bagi menyelesaikan satu-satu kes itu.</p> <p>Tetapi, setakat ini, kes tuan ini memang unik.”</p>
M/RH/S18	Pelanggan kami yang gempal ini menghela nafas lega dengan gaya bangga sambil mengeluarkan helaian akhbar, yang comot dan berkeronyok dari saku kotnya.
M/RH/S19	Akhbar itu direntangkan di atas lututnya.
M/RH/S20	Semasa dia mengilas ruang iklan sambil kepalanya dihalakan ke depan, saya amati betul-betul lelaki ini.
M/RH/S21	Maklumlah selepas mendengar kata-kata Holmes tadi, saya cuba membaca peribadi lelaki ini daripada tanda-tanda pada pakaian dan penampilannya.
M/RH/S22	Namun, pengamatan saya itu tidak begitu berhasil.
M/RH/S23	Pelanggan kami ini tidak ubah seperti kebanyakan peniaga British yang lain gempal, sombong dan lembab.
M/RH/S24	Dia memakai seluar kelabu berpetak-petak yang agak longgar potongannya, kot labuh hitam yang tidak berapa bersih, butangnya tidak dikancing dan kot dalam separas pinggang yang digayuti rantai berwarna perak bagi menyangkut jam sakunya.

M/RH/S25	Sebuah topi lusuh dan kot perang dengan kolar baldi yang berkedut diletakkan di atas kerusi di sebelahnya.
M/RH/S26	Secara keseluruhannya, tidak ada apa-apa yang luar biasa berkenaan lelaki ini kecuali rambutnya yang berwarna merah bara dan raut mukanya yang tampak kecewa dan terkilan.
M/RH/S27	Pandangan mata Sherlock Holmes yang tajam dapat membaca apa yang bermain dalam fikiran saya, dan dia menggeleng- gelengkan kepalanya sambil tersenyum tatkala terpancang muka saya yang penuh tanda tanya.
M/RH/S28 (i) M/RH/S28 (ii)	“Selain pernah melakukan kerja buruh, dia menghisap paip, dia juga seorang Freemason, pernah tinggal di China, dan banyak menulis sejak kebelakangan ini. Itu saja yang dapat saya baca daripadanya.”
M/RH/S29	Tuan Jabez Wilson tersentak, dengan jari telunjuknya yang masih melekap pada iklan yang tertera di akhbar itu, dia berpaling ke arah Holmes.
M/RH/S30	“Macam mana tuan tahu semua itu?” tanya Wilson.
M/RH/S31 (i) M/RH/S31 (ii)	“Macam mana tuan tahu saya pernah menjadi buruh? Itu memang betul, sebab saya pernah menjadi tukang kayu kapal.”
M/RH/S32 (i) M/RH/S32 (ii) M/RH/S32 (iii)	“Daripada tangan tuan itu. Tangan kanan tuan lebih besar daripada tangan kiri tuan. Tuan banyak menggunakan tangan kanan, sebab itulah otot-ototnya lebih tegap dan lebih besar.”
M/RH/S33	“Hisap paip dan Freemason itu macam mana pula?”
M/RH/S34	“Itu mudah sahaja... daripada pin berbentuk sauh dan kompas di dada tuan itulah.”
M/RH/S35	“Hah! Betul, betul. Terlupa pula saya sedang memakai pin sauh ini. Tetapi, berkenaan menulis itu bagaimana pula?”
M/RH/S36	“Apa lagi sekiranya bukan daripada lengan kot tuan yang licin dan berkilat sepanjang lima inci sementara yang sebelah kiri pula ada tompok licin di siku, bahagian yang tuan langgungkan di atas meja?”
M/RH/S37	“Baiklah, yang China itu pula?”
M/RH/S38 (i) M/RH/S38 (ii) M/RH/S38 (iii) M/RH/S38 (iv)	“Tatu ikan di pergelangan tangan kanan tuan itu hanya boleh didapatkan di China sahaja. Saya ada membuat sedikit kajian berkenaan seni tatu, malah saya menulis buku berkenaannya. Kaedah mewarnakan sisik ikan dengan kirau merah jambu itu memang lazim di China. Di samping itu, duit syiling China yang tuan gantung pada rantai jam saku itu mengiakan segala-galanya.”

M/RH/S39	Tuan Jabez Wilson ketawa terbahak-bahak.
M/RH/S40	“Saya tidak sangka!” katanya.
M/RH/S41	“Mula-mula tadi saya sangka tuan sudah merisik sejarah hidup saya, rupa-rupanya pemerhatian biasa sahaja.”
M/RH/S42 (i) M/RH/S42 (ii) M/RH/S42 (iii)	“Eh, mula tadi, saya sangka tuan mentertawakan saya,” ujar Holmes lega, “saya sangka saya tersilap tadi. Panas setahun dihapuskan oleh hujan sehari, sekiranya betullah saya silap tadi, punahlah reputasi saya yang sudah bertahun-tahun saya bina ini. Tuan sudah jumpakah iklan itu?”
M/RH/S43	“ Sudah , saya sudah jumpa,” jawabnya sambil jari telunjuknya yang dempak menekan ruang iklan itu.
M/RH/S44 (i) M/RH/S44 (ii) M/RH/S44 (iii) M/RH/S44 (iv)	“Ini dia. Di sinilah segala-galanya bermula. Nah! Tuan bacalah sendiri.”
M/RH/S45	Saya menyambut helaiian akhbar itu daripadanya dan terus membaca iklan yang dimaksudkan itu, “KEPADA LIGA RAMBUT MERAH: Atas wasiat mendiang Ezekiah Hopkins dari Lebanon, Pennsylvania, A S, kini terdapat satu lagi kekosongan yang melayakkan anggota Liga menikmati bayaran bernilai £4 seminggu sebagai upah kerja yang ringan dan mudah.
M/RH/S46	Semua lelaki berambut merah yang sihat rohani dan jasmani dan berumur lebih daripada dua puluh satu tahun layak memohon.
M/RH/S47	Kunjungi pejabat Liga Rambut Merah di No.7 Popes Court, Fleet Street.
M/RH/S48	Temui Encik Duncan Ross pada pukul sebelas pagi.
M/RH/S49	“Apa maknanya semua ini?”
M/RH/S50	Sampuk saya selepas dua kali selesai membaca iklan itu.
M/RH/S51	Holmes tergamam, duduk di kerusinya sambil mengerutkan dahinya.
M/RH/S52	Begitulah tabiatnya apabila memikirkan hal yang pelik-pelik.
M/RH/S53	“Lain daripada yang lain,” katanya perlahan.
M/RH/S54 (i) M/RH/S54 (ii)	“Tuan Wilson, ceritakanlah kepada kami berkenaan diri tuan pekerjaan tuan, keluarga tuan dan kesan iklan ini ke atas harta benda dan masa hadapan tuan. Dan Doktor, tolong catat pertama sekali nama dan tarikh akhbar itu.”

M/RH/S55 (i) M/RH/S55 (ii)	“ <i>The Morning chronicle</i> , 27 April 1890. Betul-betul dua bulan yang lalu.”
M/RH/S56 (i) M/RH/S56 (ii)	“Bagus. Boleh kita mulai sekarang, Tuan Wilson?”
M/RH/S57	“Seperti yang saya ceritakan kepada tuan tadi,” kata Jabez Wilson sambil mengesat dahi.
M/RH/S58 (i) M/RH/S58 (ii) M/RH/S58 (iii) M/RH/S58 (iv)	“Saya ada kedai pajak gadai di Coburg Square di pinggir kota London. Perniagaan saya tidaklah besar dan beberapa tahun kebelakangan ini, keuntungan yang saya peroleh hanya sekadar cukup makan sahaja. Dahulu saya ada dua orang pembantu, tetapi sekarang saya cuma menggajikan seorang pembantu sahaja. Sebenarnya saya tidak mampu menggaji dia, tetapi dia sedia menerima separuh daripada gaji biasa asalkan dia dapat mempelajari selok-belok perniagaan pajak gadai ini.”
M/RH/S59	“Siapa nama anak muda itu? tanya Sherlock Holmes.
M/RH/S60 (i) M/RH/S60 (ii) M/RH/S60 (iii) M/RH/S60 (iv)	“Namanya Vincent Spaulding dan dia tidaklah begitu muda. Susah juga saya hendak mengagak umurnya. Saya tidaklah mengharapkan pembantu yang bijak macam dia, Tuan Holmes dan saya tahu dengan kepandaian dan pengalamannya, dia mampu dapat pekerjaan yang lebih baik dengan gaji yang berlipat ganda daripada apa yang saya beri kepadanya. Tetapi, sekiranya dia sudah puas hati, buat apa saya cadangkan dia mencari kerja lain, bukan begitu?”
M/RH/S61 (i) M/RH/S61 (ii) M/RH/S61 (iii) M/RH/S61 (iv)	“Buat apa? Tuan sudah cukup beruntung dapat pekerja yang sedia terima separuh gaji. Tetapi, pada usianya itu, ini agak luar biasa juga. Saya tidak sangka pula yang pembantu tuan itu seorang yang cekap dan bijak”
M/RH/S62	“Tetapi, dia pun ada kekurangannya,” kata Tuan Wilson.
M/RH/S63 (i) M/RH/S63 (ii) M/RH/S63 (iii)	“Dia begitu minat bidang fotografi. Sekejap ke sana, sekejap ke mari, mengambil gambar dengan kameranya apabila dia berasa bosan, kemudian memerap di kolong bawah tanah macam ular masuk ke sarang bagi mencuci gambar- gambar yang diambilnya. Itu sahajalah yang saya tidak berapa berkenan, selain itu, dia memang seorang pekerja yang baik.”
M/RH/S64	“Dia masih lagi bekerja dengan tuan?”
M/RH/S65	“Oh ya.
M/RH/S66	Dia dan seorang budak perempuan berusia 14 tahun yang tolong masak dan bersihkan rumah, itu sahajalah yang ada di dalam rumah saya, sebab saya seorang duda dan tidak ada anak.

M/RH/S67	Kami memang tidak banyak bercampur dengan masyarakat sekeliling.
M/RH/S68	Kami cuma duduk rumah, buat hal kami sahaja.
M/RH/S69	“Iklan inilah yang pertama membuatkan kami keluar.
M/RH/S70	Satu hari, Spaulding masuk ke pejabat saya, betul-betul lapan minggu yang lalu, sambil membawa akhbar ini dan berkata, “Tuan Wilson, alangkah beruntungnya saya sekiranya rambut saya berwarna merah.”
M/RH/S71	“Mengapa pula?” tanya saya.
M/RH/S72 (i) M/RH/S72 (ii) M/RH/S72 (iii) M/RH/S72 (iv)	“Mengapa? balasnya ‘Liga Si Rambut Merah ini sedang mencari calon bagi mengisi satu lagi kekosongan. Sesiapa yang dapat, sememangnya beruntung. Dan, dengar-dengarnya, kekosongan yang perlu diisi lebih banyak daripada calon yang benar-benar layak. Jadi, pemegang amanah Liga ini sudah hampir buntu memikirkan apa yang perlu mereka lakukan dengan wang peninggalan Ezekiah Hopskin itu.
M/RH/S72 (v)	Kalaulah warna rambut saya ini boleh diubah, setidak-tidaknya adalah juga peluang saya mencuba.’
M/RH/S73	‘Mengapa? Apa kaitannya warna rambut dengan wang Hopskin itu?’ tanya saya kepada Spaulding.
M/RH/S74	Maklum sahajalah Tuan Holmes, saya memang jarang keluar rumah sebab pelangganlah yang biasanya datang berjumpa saya.
M/RH/S75	Kadang-kadang berminggu-minggu lamanya saya langsung tidak pijak tanah.
M/RH/S76	Jadi, memanglah saya tidak tahu apa yang berlaku di luar dan sekiranya ada apa-apa yang saya dengar, sememangnya ia agak mengejutkan saya.
M/RH/S77	“Tuan tidak pernah dengarkah berkenaan Liga Rambut Merah?” tanya Spaulding dengan mata yang terbeliak.
M/RH/S78	“Tak pernah.’
M/RH/S79 (i) M/RH/S79 (ii) M/RH/S79 (iii)	“Mengapa? Peliknya! Tuan layak mengisi satu daripada kekosongan ini.’
M/RH/S80	“Apa faedah yang akan saya dapat?” tanya saya.
M/RH/S81 (i) M/RH/S81 (ii) M/RH/S81 (iii)	“Oh, banyak tuan! Gaji yang lebih daripada dua ratus paun setahun sedangkan kerja yang perlu dibuat sedikit sahaja. Dan lagi, ia tidak akan mengganggu kerja tuan sehari-hari.’
M/RH/S82	“Dengan perniagaan saya yang agak lembap sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan tambahan pendapatan lebih dua ratus paun setahun, memanglah ini satu peluang yang pastinya saya tidak mahu lepaskan.

M/RH/S83	“Ceritalah lagi,” minta saya.
M/RH/S84 (i) M/RH/S84 (ii) M/RH/S84 (iii) M/RH/S84 (iv) M/RH/S84 (v) M/RH/S84 (vi)	<p>“‘Tuan tengok ini,’ katanya sambil menunjukkan iklan itu kepada saya, ‘tuan boleh tengok sendiri yang Liga ini ada kekosongan, dan sedang mencari calon ahli.</p> <p>Setahu saya, Liga ini diasaskan oleh jutawan Amerika bernama Ezekiah Hopkins, seorang yang agak luar biasa.</p> <p>Dia sendiri berambut merah dan amat bersimpati dengan lelaki yang berambut merah.</p> <p>Jadi, apabila dia meninggal dunia, dia meninggalkan harta pusaka yang sangat banyak kepada pemegang amanah.</p> <p>Dan, harta peninggalannya ini hendaklah digunakan bagi membantu lelaki yang warna rambutnya seperti warna rambut Hopkins.</p> <p>Dengar-dengarnya, kerja yang akan diberi itu senang sahaja tetapi upahnya cukup lumayan.’</p>
M/RH/S85	‘Tetapi,’ kata saya, ‘tentulah berpuluh ribu lelaki berambut merah yang akan memohon menjadi ahli liga ini’
M/RH/S86	“‘Tidaklah seramai yang tuan fikirkan,’ jawabnya.
M/RH/S87 (i) M/RH/S87 (ii) M/RH/S87 (iii) M/RH/S87 (iv) M/RH/S87 (v) M/RH/S87 (vi) M/RH/S87 (vii)	<p>‘Tawaran ini hanya untuk warga London, dan lelaki dewasa sahaja.</p> <p>Sewaktu mudanya, sebelum berhijrah ke Amerika, Hopkins memulakan perniagaannya di London.</p> <p>Jadi, dia berhasrat menabur bakti di tanah tumpahnya.</p> <p>Saya juga dapat tahu, sekiranya rambut pemohon berwarna merah muda, ataupun merah tua ataupun merah apa sekalipun, tidak akan dilayan.</p> <p>Mereka yang berambut betul-betul merah, merah bara sahaja akan diterima.</p> <p>Sekiranya tuan hendak memohon, tuan boleh terus ke pejabat ini.</p> <p>Cubalah tuan, mana tahu sekiranya tuan terpilih.’</p>
M/RH/S88	“Seperti yang tuan-tuan nampak rambut saya ini lebat dan sememangnya berwarna merah bara.
M/RH/S89	Jadi sekiranya ada pertandingan mencari orang berambut merah bara, memang cerahlah harapan saya menang.
M/RH/S90	Memandangkan Vincent Spaulding begitu arif berkenaan hal ini dan dia pun tampak beria-ia memujuk saya supaya mencuba, saya pun menyuruhnya menutup kedai dan ikut saya ke alamat yang diberi dalam iklan ini.
M/RH/S91 (i) M/RH/S91 (ii) M/RH/S91 (iii) M/RH/S91 (iv) M/RH/S91 (v) M/RH/S91 (vi) M/RH/S91 (vii)	<p>“Saya tidak sangka sebegitu ramai orang berambut merah yang datang, Tuan Holmes.</p> <p>Dari setiap ceruk; utara, selatan, timur, dan barat, berduyun-duyun orang yang ada kirau-kirau warna merah di rambutnya datang bagi mencuba nasib.</p> <p>Fleet Street penuh sesak dengan orang berambut merah, dari kejauhan, tampak seperti timbunan buah rambutan masak.</p> <p>Saya tidak sangka iklan seperti ini dapat menarik begitu ramai orang dari segenap ceruk rantau.</p> <p>Macam-macam warna ada- kuning cair, kuning emas, pinang masak, kuning jagung, merah hati, merah darah ikan, merah bata, tetapi macam kata Spaulding, tidak ramai yang rambutnya betul-betul warna merah bara.</p> <p>Apabila saya lihat ramainya yang bersesak-sesak menunggu mahu ditemuduga, saya mula rasa patah semangat dan hendak berpatah balik sahaja, tetapi Spaulding buat tidak dengar sahaja rungutan saya itu.</p> <p>Tidak dapat saya bayangkan macam mana Spaulding berjaya menyelit, mencelah-celah dan menolak sehingga dia berjaya membawa saya sampai ke tangga pejabat itu.</p>

M/RH/S91 (viii) M/RH/S91 (ix) M/RH/S91 (x)	Di tangga itu sahaja ada dua baris. Yang satu sedang menunggu dengan penuh harapan, manakala baris yang satu lagi pulang dengan kekecewaan. Kami terus menyusup hingga akhirnya kami berada di dalam pejabat itu.”
M/RH/S92	“Tentu tuan akan ingat pengalaman ini sampai bila-bila, ‘kata Holmes ketika pelanggannya berhenti seketika bagi mengingati semula segala yang berlaku pada hari itu.
M/RH/S93	“Teruskanlah, kami pun seronok mendengar cerita tuan ini.”
M/RH/S94	“Tidak ada apa-apa pun di dalam pejabat itu kecuali dua buah kerusi dan sebuah meja tulis.
M/RH/S95	Di belakang meja itu berdiri seorang lelaki bertubuh kecil yang warna rambutnya lebih merah daripada warna rambut saya.
M/RH/S96	Dia sedang bercakap-cakap dengan beberapa orang calon ketika dia melintasi barisan calon itu dan tampaknya ada sahaja yang tidak kena dengan calon-calon itu yang menjadikan mereka tidak layak bagi mengisi kekosongan ini.
M/RH/S97	Rupa-rupanya, susah juga hendak mencari calon yang betul-betul sesuai.
M/RH/S98	Bagaimanapun, sebaik sahaja tiba giliran saya, lelaki itu lebih berkenan dengan rambut saya berbanding dengan rambut calon lain, lalu dia pun menutup pintu pejabat itu sebaik sahaja kami melangkah masuk, mungkin lebih mudah bagi dia bercakap dengan kami.
M/RH/S99	“‘Ini Tuan Jabez Wilson’ kata pembantu saya, ‘dan dia mahu mengisi kekosongan dalam Liga Rambut Merah.’
M/RH/S100	“‘Nampaknya inilah calon yang paling cocok,’ jawab lelaki yang seorang lagi.
M/RH/S101 (i) M/RH/S101 (ii)	‘Semua syaratnya cukup. Saya tidak pernah jumpa lagi calon yang begitu cocok.’
M/RH/S102	Dia berundur selangkah ke belakang sambil memerhatikan dan mengamati rambut saya sehingga membuatkan saya berasa termalu-malu.
M/RH/S103	Kemudian dia menerpa di hadapan saya, menggoncang-goncang tangan saya sambil tidak putus-putus mengucapkan syabas dan tahniah kerana terpilih mengisi kekosongan Liga Rambut Merah.
M/RH/S104	“‘Perkara yang baik, tidak elok dilengah-lengahkan,’ katanya.
M/RH/S105	‘Bagaimanapun, kami perlu mengambil satu lagi langkah berjaga-jaga.’
M/RH/S106	Lalu dia mencakup rambut saya dengan kedua-dua belah tangannya, dan menariknya dengan kuat sehingga saya terjerit kesakitan.
M/RH/S107	“‘Mata tuan berair,’ katanya sambil melepaskan rambut saya.

M/RH/S108 (i) M/RH/S108 (ii) M/RH/S108 (iii)	‘Saya rasa cukuplah setakat ini. Kami terpaksa melakukan ini sebab sudah dua kali orang cuba menipu kami dengan memakai rambut palsu, dan sekali dulu dengan pewarna rambut. Pernah juga orang menggunakan pengilat kasut dan nampak seperti warna rambut asli.’
M/RH/S109	Dia kemudian melangkah ke tingkap dan menjerit sekuat hatinya yang calon yang dicari sudah ditemui.
M/RH/S110	Keluhan kekecewaan terdengar di luar, dan mereka yang bersesak-sesak berhimpun di luar mula bersurai, berpecah-pecah mengikut haluan masing-masing sehingga tiada lagi lelaki berambut merah di situ kecuali saya dan lelaki pengurus tadi.
M/RH/S111 (i) M/RH/S111 (ii) M/RH/S111 (iii)	‘‘‘Nama saya’ katanya, ‘Duncan Ross, dan saya sendiri seorang pesara daripada dana yang ditinggalkan Hopkins. Tuan Wilson sudah berumahtanggakah? Ada anak?’
M/RH/S112 (i) M/RH/S112 (ii)	‘‘‘Saya jawablah saya tiada anak. Dia terus menarik muka panjang.’’
M/RH/S113 (i) M/RH/S113 (ii) M/RH/S113 (iii)	‘‘‘Sayangnya!’ katanya dengan nada yang ralat, ‘Sayang sungguh! Dana ini adalah bagi meramaikan pewaris rambut merah. Sayang sungguh, tuan ini tiada isteri.’’’
M/RH/S114	‘‘‘Saya rasa ralat dan terkilan, Tuan Holmes kerana saya rasa saya tidak layak mengisi kekosongan itu, tetapi selepas memikirkannya selama beberapa minit, Duncan memberikan persetujuan mahu menerima saya.’
M/RH/S115 (i) M/RH/S115 (ii)	‘‘‘Sekiranya hendak diikuti syarat asal,’ katanya, ‘memang ramailah yang akan membantah, tetapi kita berpegang kepada warna rambut tuanlah yang paling cocok. Bilakah tuan dapat memulakan tugas baru tuan ini?’
M/RH/S116	‘‘‘Sebenarnya, saya sudah pun ada perniagaan sendiri,’ jawab saya.
M/RH/S117	‘‘‘Oh, itu tidak jadi hal, Tuan Wilson!’ kata Vincent Spaulding.
M/RH/S118	‘Saya boleh tengok-tengokkan kedai tuan nanti.’
M/RH/S119	‘‘‘Pukul berapa saya perlu menjalankan tugas baru saya itu?’ tanya saya.
M/RH/S120	‘‘‘Dari pukul sepuluh pagi hingga dua petang’
M/RH/S121	‘‘‘Perniagaan pajak gadai biasanya berjalan pada sebelah petang, Tuan Holmes, terutamanya pada hari Khamis dan Jumaat, sebelum hari gaji jadi memang sesuai dengan jadual kerja saya.’

M/RH/S122	Tambahan pula, pembantu saya memanglah seorang yang boleh diharap dan dia mampu menguruskan kedai saya semasa ketiadaan saya nanti.
M/RH/S123	“‘‘Sesuai sangatlah jadual itu dengan saya,’ kata saya.
M/RH/S124	‘Upahnya macam mana?’
M/RH/S125	“‘‘£4 seminggu.’
M/RH/S126	“‘‘Kerjanya?’
M/RH/S127	“‘‘Kerjanya tidak banyak dan mudah sahaja.’
M/RH/S128	“‘‘Tidak banyak dan mudah... maksud tuan?’
M/RH/S129 (i) M/RH/S129 (ii) M/RH/S129 (iii) M/RH/S129 (iv)	“‘‘Tuan perlu berada berada di pejabat, ataupun setidak-tidaknya di dalam bangunan ini sepanjang waktu tadi. Sekiranya tidak, keahlian tuan akan terbatal seumur hidup. Yang itu memang jelas dinyatakan dalam wasiat. Tuan dianggap tidak mematuhi syarat ini sekiranya tuan meninggalkan pejabat ini dalam masa yang ditetapkan itu.’
M/RH/S130 (i) M/RH/S130 (ii)	“‘‘Empat jam sahaja dalam sehari. Saya tidak akan tinggalkan pejabat ini,’ jawab saya.
M/RH/S131 (i) M/RH/S131 (ii)	“‘‘Tidak ada satu alasan pun yang akan diterima,’ kata Tuan Duncan Ross; ‘sama ada sakit, urusan perniagaan, atau apapun. Tuan mesti berada di sini, jika tidak, tuan akan hilang habuan lumayan ini.’
M/RH/S132	“‘‘Apakah kerja yang perlu saya lakukan?’
M/RH/S133 (i) M/RH/S133 (ii) M/RH/S133 (iii) M/RH/S133 (iv)	“‘‘Menyalin semula <i>Encyclopaedia Britannica</i> . Jilid pertamanya ada dalam akhbar. Tuan perlu dapatkan sendiri dakwat, pen, dan kertas, kami cuma sediakan meja dan kerusi ini sahaja. Tuan boleh mula kerja esok?’
M/RH/S134	“‘‘Boleh, boleh, Tuan,’ jawab saya.
M/RH/S135 (i) M/RH/S135 (ii) M/RH/S135 (iii) M/RH/S135 (iv)	“‘‘Sekiranya begitu saya minta diri dulu. Tahniah sekali lagi kerana terpilih bagi mengisi kekosongan ini. Memang tuan beruntung. Tengok sahaja berapa ramai yang datang tadi, tetapi tuan seorang sahaja yang terpilih.’
M/RH/S136	Dia pun mengiringi saya keluar bilik dan saya pun terus pulang bersama-sama pembantu saya, lidah saya kelu, tidak tahu apa yang hendak dikata mengenangkan tuah yang jatuh ke riba saya.

M/RH/S137	“Sesampainya saya di rumah, saya selalu memikirkan hal ini.
M/RH/S138	Menjelang petang, saya mula berasa tawar hati, sebab hati saya tidak dapat lari daripada berkata-kata yang semua ini tidak masuk akal dan hanyalah satu pembohongan besar, sebab tidak dibayangkan akal saya apa sebenarnya matlamat mereka.
M/RH/S139	Memang tidak masuk akal ada orang mahu meninggalkan wasiat yang sebegitu, ataupun ada orang yang hendak mengupah orang menyalin <i>Encyclopeadia Britannica</i> dengan upah yang begitu mahal.
M/RH/S140	Vincent Spaulding cuba sedaya upayanya menceriaikan saya, tetapi sebelum saya tidur malam itu, saya sudah dapat mewajarkan segala-galanya.
M/RH/S141	Bagaimanapun, pada keesokan harinya, saya tekad mahu mendapatkan kepastian.
M/RH/S142	Jadi, saya pun membeli sebotol dakwat dan keperluan yang lain dan terus melangkah ke Pope’s Court.
M/RH/S143	“Alangkah terkejutnya saya, segala-galanya betul-betul seperti yang diterangkan kepada saya semalam.
M/RH/S144	Meja dan kerusi sudah disediakan.
M/RH/S145	Tuan Duncan Ross pun ada di situ bagi memastikan saya tiba tepat pada waktunya dan segala-galanya berjalan lancar.
M/RH/S146	Dia mula menyalin entri yang bermula dengan huruf A, dan kemudian dia pun beredar; sesekali, dia datang menjenguk saya.
M/RH/S147	Tepat pukul dua, dia memungut semua salinan yang sudah saya buat.
M/RH/S148	Dia memuji saya kerana dapat menyalin jauh lebih banyak daripada yang dijangkakan.
M/RH/S149	Sebaik saya melangkah keluar, dia terus mengunci pintu pejabat.
M/RH/S150	“Beginilah setiap hari, dan pada setiap hari Sabtu, Duncan menyerahkan empat keping syiling emas sebagai upah saya selama seminggu.
M/RH/S151	Begitulah seterusnya, dari minggu ke minggu.
M/RH/S152	Setiap pagi saya tiba pada pukul sepuluh, dan pulang pada pukul dua petang.
M/RH/S153	Selepas beberapa minggu berlalu, Tuan Duncan hanya menjenguk saya sekali sahaja, kemudian langsung tidak nampak bayang.
M/RH/S154	Tetapi saya tidak berani meninggalkan bilik itu kerana saya tidak tahu bila dia akan datang.
M/RH/S155	Saya pun tidak mahu habuan yang sebegitu besar terlepas dan tangan saya.

M/RH/S156 (i)	“Lapan minggu berlalu begini, dan saya sudah selesai menyalin berkenaan Abbots dan Achery dan Amour dan Architecture dan Attica, dan berharap saya dapat mula menyalin entri B.
M/RH/S156 (ii)	Banyak juga saya beli kertas, dan rak buku di rumah saya pun sudah mula diisi salinan yang buat.
M/RH/S156 (iii)	Tiba-tiba, segala-galanya terhenti dengan mengejut.”
M/RH/S157	“Terhenti?”
M/RH/S158 (i)	“Ya.
M/RH/S158 (ii)	Seperti biasa, pada pukul sepuluh pagi ini, saya ke pejabat Liga itu untuk bekerja.
M/RH/S158 (iii)	Malangnya, pintu pejabat itu ditutup rapat dan berkunci.
M/RH/S158 (iv)	Sekeping kad digantung di tengah-tengah pintu pejabat itu dengan paku tekan.
M/RH/S158 (v)	Nah!
M/RH/S158 (vi)	Ini kadnya.
M/RH/S158 (vii)	Tuan bacalah sendiri.”
M/RH/S159	Wilson menghulurkan sekeping kad sebesar kertas kajang.
M/RH/S160	Pada kad itu tertulis: Liga Si Rambut Merah LIGA RAMBUT MERAH SUDAH DIBUBARKAN.
M/RH/S161	Oktober 9, 1890.
M/RH/S162	Sherlock Holmes dan saya memeriksa pengumuman ringkas ini dan wajah kesal Wilson yang terselindung di belakang kad itu.
M/RH/S163	Kami memang tidak dapat menahannya lagi, lalu kami pun ketawa terbahak-bahak.
M/RH/S164	“Apa yang lucu ini?” jerit Wilson, mukanya merah padam.
M/RH/S165	“Sekiranya tuan hanya hendak mentertawakan saya, lebih baik saya minta tolong daripada orang lain,” katanya sambil bangun perlahan-lahan mahu beredar.
M/RH/S166	“Nanti, nanti dulu Tuan Wilson,” pujuk Holmes sambil meminta Wilson yang sudah separuh bangun itu supaya kembali duduk.
M/RH/S167 (i)	“Saya pasti tidak akan melepaskan kes tuan ini.
M/RH/S167 (ii)	Memang luar biasa.
M/RH/S167 (iii)	Tetapi, janganlah ambil hati pula.... sememangnya ada suatu yang lucu berkenaan kes ini.
M/RH/S167 (iv)	Apa yang tuan lakukan selepas tuan terjumpa kad ini?”
M/RH/S168	“ Saya terpeman, tidak tahu apa yang seharusnya saya lakukan.
M/RH/S169	Kemudian, saya masuk setiap pejabat yang berdekatan bagi bertanyakan berkenaan pejabat Liga ini.

M/RH/S170	Malangnya, tidak siapa pun yang tahu.
M/RH/S171	Akhirnya, saya pergi bertemu pemilik bangunan Pope's Court, seorang akauntan yang tinggal di tingkat bawah, dan bertanya padanya apa yang berlaku kepada Liga Rambut Merah.
M/RH/S172	Alangkah terkejutnya saya apabila dia memberitahu saya yang dia tidak pernah dengar pun berkenaan Liga Rambut Merah dan tidak pernah kenal orang yang bernama Duncan Ross.
M/RH/S173	“Baiklah kata saya, ‘bagaimana dengan orang yang tinggal di No.4?’
M/RH/S174	“Orang yang berambut merah itukah?’
M/RH/S175	“Ya.’
M/RH/S176 (i) M/RH/S176 (ii) M/RH/S176 (iii)	“Namanya William Morris. Dia seorang peguam cara dan sekarang dia menumpang pejabat saya sementara menunggu premis barunya siap. Dia sudah pindah semalam.’
M/RH/S177	“Di mana dia sekarang?’
M/RH/S178 (i) M/RH/S178 (ii)	“Di pejabat barunya. Di nombor 17 King Edward Street, berhampiran St.Paul.’
M/RH/S179 (i) M/RH/S179 (ii)	“Saya pun terus bergegas ke alamat itu. Malangnya, yang saya temui bukannya pejabat peguam, sebaliknya kilang stoking, dan tidak seorang pun yang ada di situ pernah mendengar nama William Morris ataupun Duncan Ross.”
M/RH/S180	“Habis itu, apa yang tuan buat? tanya Holmes.
M/RH/S181 (i) M/RH/S181 (ii) M/RH/S181 (iii) M/RH/S181 (iv) M/RH/S181 (v) M/RH/S181 (vi)	“Saya pulang ke Saxe-Coburg Square, dan mendengar nasihat pembantu saya. Tetapi, dia pun tidak dapat berbuat apa-apa. Dia menasihati saya supaya bersabar sahaja, mungkin saya akan terima berita berkenaan liga itu melalui pos. Tetapi takkanlah saya hendak duduk sahaja, menunggu sesuatu yang belum pasti. Saya pun tidak mahu peluang yang sebegini baik lenyap begitu sahaja. Sebab itulah saya ke mari, bagi mendapatkan nasihat dan pandangan daripada tuan”
M/RH/S182	“Tepat sangatlah langkah yang tuan ambil ini,” kata Holmes. Kes tuan ini sememangnya lain daripada yang lain dan saya memang berminat mahu membongkarnya. Daripada apa yang tuan ceritakan tadi, saya pasti ada satu pakatan besar yang sedang diatur dengan cukup rapi dan teliti.”

M/RH/S183	“Memang cukup besar!” celah Tuan Jabez Wilson.
M/RH/S184	“Mana tidaknya, saya sudah rugi empat paun bagi upah minggu ini!”
M/RH/S185 (i) M/RH/S185 (ii) M/RH/S185 (iii)	“Tuan sebenarnya tidak rugi apa-apa pun,” balas Holmes, “Saya tidak nampak pun tuan mengalami apa-apa kerugian dengan apa yang berlaku kepada liga yang aneh ini. Sebaliknya, sekiranya tidak silap saya, tuan sudah meraih keuntungan sekitar £30, di samping ilmu yang tuan timba semasa menyalin entri bagi abjad A dulu. Selain itu, tuan tidak rugi apa-apa pun, bukan?”
M/RH/S186 (i) M/RH/S186 (ii) M/RH/S186 (iii)	“Memang tidak tuan, tetapi saya mahu tahu siapa mereka itu semua, dan apa sebenarnya yang mereka cari sehingga tergamak mempermain-mainkan saya begini. Sekiranya mereka main-main, masakan mereka sanggup memberi sebegitu banyak wang kepada saya. Untuk saya seorang sahaja pun, mereka sudah membelanjakan £32!”
M/RH/S187 (i) M/RH/S187 (ii) M/RH/S187 (iii)	“Kami akan cuba mencari jawapan kepada teka-teki ini. Dan, kami mahu bertanyakan satu dua soalan kepada tuan. Pembantu tuan, orang yang pertama membawakan iklan itu kepada tuan, berapa lama dia sudah bekerja dengan tuan?”
M/RH/S188	“Masa itu baru sebulan.”
M/RH/S189	“Bagaimana dia kenal tuan?”
M/RH/S190	“Saya iklankan jawatan kosong di kedai saya itu, dan sebab itulah dia datang berjumpa saya.”
M/RH/S191	“Dia seorang sahajakah yang memohon jawatan itu?”
M/RH/S192	“Tidak kesemuanya ada 12 orang.”
M/RH/S193	“Mengapa tuan ambil dia?”
M/RH/S194	“Sebab dia cekap buat kerja dan gaji yang dimintanya pun rendah.”
M/RH/S195	“Separuh daripada gaji biasa.”
M/RH/S196	“Ya.”
M/RH/S197	“Bagaimana rupa dan perwatakan Vincent Spaulding ini?”
M/RH/S198 (i) M/RH/S198 (ii)	“Bertubuh kecil, tegap, pantas macam lipas kudung, tidak bermisai mahupun berjanggut, walaupun usianya sudah lebih 30 tahun. Di keningnya ada parut terkena percikan asid.”

M/RH/S199	Holmes duduk di atas kerusinya.
M/RH/S200	Di wajahnya jelas terpancar semangat yang berkobar-kobar hendak menyelesaikan kes ini.
M/RH/S201	“Tuan,” katanya, ‘pernahkah tuan terperasan yang telinganya bertindik?’
M/RH/S202 (i) M/RH/S202 (ii)	“Ada tuan. Katanya seorang gipsi tua yang menindiknya semasa dia masih kecil lagi.”
M/RH/S203	“Hm...” kata Holmes yang kemudian kembali tenggelam memikirkan kes ini.
M/RH/S204	“Dia masih bekerja dengan tuan?”
M/RH/S205 (i) M/RH/S205 (ii)	“Masih lagi tuan. Waktu saya keluar tadi pun dia ada di kedai saya.”
M/RH/S206	“Semasa tuan bekerja di pejabat liga itu, kedai tuan dijaga dengan baikkah?”
M/RH/S207 (i) M/RH/S207 (ii)	“Semuanya baik tuan. Lagipun, pada waktu pagi memang tidak banyak kerja di kedai itu.”
M/RH/S208 (i) M/RH/S208 (ii) M/RH/S208 (iii) M/RH/S208 (iv)	“Baiklah Tuan Wilson. Tunggulah dalam sehari dua ini. Sekiranya semuanya berjalan lancar, saya akan terangkan kepada tuan apa yang saya temui. Hari ini hari Sabtu, harap-harap hari Isnin nanti kami dapat selesaikan kes ini.”
M/RH/S209	“Macam mana, Watson?” tanya Holmes sebaik sahaja pelanggan kami beredar, “Apa pendapat tuan?”
M/RH/S210	“Entahlah,” jawab saya ringkas dan jujur.
M/RH/S211	“Suatu yang penuh misteri.”
M/RH/S212 (i) M/RH/S212 (ii) M/RH/S212 (iii) M/RH/S212 (iv)	“Selalunya,” kata Holmes, “semakin pelik satu-satu kes itu di peringkat awalnya, penghujungnya nanti hanyalah satu jenayah biasa sahaja. Sebaliknya, kes yang biasa dan lazim itulah yang selalu membingungkan, ibarat muka-muka yang biasa kita nampak, muka itulah yang susah kita hendak cam. Sekiranya yang luar biasa itu, sekali nampak kita sudah cam, bukan begitu? Tetapi, bagi kes ini, saya perlu bertindak cepat.”
M/RH/S213	“Tuan hendak buat apa sekarang?” tanya saya.

M/RH/S214 (i) M/RH/S214 (ii)	“Hendak merokok,” jawabnya, “dan coba mencungkil klu daripada cerita Wilson tadi. Saya harap saya tidak diganggu dalam masa sejam ini nanti.”
M/RH/S215	Dia pun duduk bersandar di kerusi kegemarannya.
M/RH/S216	Lututnya yang kurus kering itu ditegakkan berlabuh di atas landas kerusi, hampir sahaja lututnya mencecah hidungnya yang bengkok bak paruh helang itu.
M/RH/S217	Duduklah Holmes di situ memerah otaknya dengan matanya yang tertutup rapat.
M/RH/S218	Sesekali keningnya berkerut dan kemudian kembali tenang.
M/RH/S219	Saya betul-betul menyangka dia sudah tertidur apabila tiba-tiba dia bingkas bangun bagaikan orang yang tersentak, lalu mematikan puntung rokoknya.
M/RH/S220	“Orkestra Sarasate akan membuat persembahan di Dewan St. James petang ini,” katanya.
M/RH/S221 (i) M/RH/S221 (ii)	“Tinggalkanlah dahulu kerja tuan itu. Mari kita pergi dengar orkestra ini.”
M/RH/S222	“Baiklah.”
M/RH/S223 (i) M/RH/S223 (ii) M/RH/S223 (iii) M/RH/S223 (iv) M/RH/S223 (v) M/RH/S223 (vi)	“Siaplah dan mari kita pergi sekarang. Kita ke bandar dahulu dan makan tengah hari di sana. Dengar-dengarnya banyak lagu Jerman yang akan dimainkan nanti. Memang kenalah dengan selera telinga saya. Muzik Jerman Iebih introspektif dan saya mahu introspek. Mari kita pergi!”
M/RH/S224	“Kami menyusuri Underground hingga ke Aldersgate dan tidak lama kami berjalan kaki, kami tiba Saxe-Coburg Square, deretan rumah kedai satu tingkat yang diceritakan oleh Wilson pagi tadi.
M/RH/S225	Tempatnya agak kotor, kecil dan tidak terurus dengan empat baris rumah dua tingkat yang comot dan menghadap kawasan berkeping yang kecil, dengan laman yang berumput dan berlalang serta pokok laurel yang pucat, hidup segan, mati tak mahu.
M/RH/S226	Sekeping papan warna perang dengan tulisan ‘JABEZ WILSON’ berwarna putih dipaku di satu bucu rumah itu, menandakan di sinilah tempat pelanggan kami yang berambut merah tadi menjalankan perniagaannya.
M/RH/S227	Sherlock Holmes berhenti sebentar di depan kedai Wilson sambil menoleh ke satu sudut dan memerhatikan kawasan sekelilingnya, merenung sampai matanya jarang-jarang sekali berkedip.

M/RH/S228	Kemudian, perlahan-lahan, Holmes berjalan terus ke hujung jalan dan kemudian berpatah balik.
M/RH/S229	Dan, dia beria-ia memerhatikan rumah-rumah yang ada di situ.
M/RH/S230	Akhirnya, dia menuju ke rumah kedai Wilson sambil dua tiga kali menghentak kuat tongkatnya ke kaki lima.
M/RH/S231	Holmes terus mengetuk pintu kedai Wilson.
M/RH/S232	Pintu itu segera dibuka oleh seorang anak muda yang kemas dan rapi wajahnya.
M/RH/S233	Tanpa berlengah, dia terus mempersilakan Holmes masuk.
M/RH/S234	“Terima kasih,” balas Holmes, “Saya cuma hendak tumpang bertanya, jalan mana menuju ke Strand?”
M/RH/S235 (i) M/RH/S235 (ii)	“Simpang yang ketiga, belok kanan. Jalan terus, sampai simpang keempat, belok kiri,” jawab pembantu kedai lalu terus menutup pintu.
M/RH/S236	“Bijak, anak muda ini.”
M/RH/S237	Kata Holmes sambil kami beredar.
M/RH/S238	“Sekiranya tidak silap saya, dia ini boleh jadi orang yang keempat terbijak di kota London ini. Dari segi beraninya pula, mungkin yang ketiga berani. Saya pernah kenal anak muda ini.”
M/RH/S239 (i) M/RH/S239 (ii)	“Jelas sekali,” jawab saya, “pembantu Tuan Wilson ini ada peranan dalam misteri Liga Rambut Merah ini. Saya pasti tuan sememangnya mencari jalan mahu melihat dia tadi.”
M/RH/S240	“Bukan dia.”
M/RH/S241	“Habis itu, apa?”
M/RH/S242	“Lutut seluarnya.”
M/RH/S243	“Apa yang tuan nampak?”
M/RH/S244	“Apa yang saya hendak tengoklah.”
M/RH/S245	“Mengapa tuan menghentak-hentakkan tongkat tuan ke kaki lima itu tadi?”
M/RH/S246 (i)	“Doktor, sekarang ini masa memerhati, bukannya masa bercakap.

M/RH/S246 (ii) M/RH/S246 (iii) M/RH/S246 (iv)	Kita sedang mengintip di tempat musuh. Kita sudah tahu sesuatu berkenaan Saxe-Coburg Square. Sekarang mari kita tengok rahsia di sebaliknya.”
M/RH/S247	Jalan yang baru kami lewati sebaik kami membelok di hujung Saxe-Coburg Square berbeza dengan apa yang kami lihat di sebelah hadapan jalan ini.
M/RH/S248	Ia adalah satu daripada nadi utama yang menghubungkan lalu lintas dari kota London ke sebelah utara dan barat.
M/RH/S249	Laluan jalan ini sesak dengan orang dan kenderaan yang lalu-lalang keluar masuk kota, sementara laluan pejalan kakinya pula gelap dipenuhi pejalan kaki yang bergegas ke hulu dan ke hilir.
M/RH/S250	Sukar dimengertikan apabila kami terpandangan sederet kedai dan premis perniagaan yang terkemuka di satu belah, sementara di sebelah belakangnya pula tidak ubah seperti tempat yang terbiar dan tidak dipedulikan.
M/RH/S251 (i) M/RH/S251 (ii) M/RH/S251 (iii) M/RH/S251 (iv) M/RH/S251 (v) M/RH/S251 (vi) M/RH/S251 (vii) M/RH/S251 (viii)	“Nanti,” kata Holmes, sambil berdiri di satu sudut dan mengerling sepanjang deretan kedai itu, “saya mahu cam betul-betul susunan bangunan di sini. Memang sudah menjadi hobi saya bagi mengemam betul-betul selok-belok di kota London ini. Itu kedai tembakau Mortimer, kedai akhbar, Suburban Bank cawangan Coburg dan cawangan kota London, Restoran Itali, dan hentian teksi McFarlane. Jalan ini membawa kita terus ke satu lagi blok. Baiklah doktor, kerja kita hari ini sudah selesai. Sekarang, mari kita jamu telinga kita. Kita beli sandwic dulu dan air kopi. Lepas itu kita terus tonton orkestra, menikmati alunan muzik yang mengasyikkan dan gesekan biola yang cukup indah, pastinya tidak ada pelanggan berambut merah yang dapat mengganggu halwa telinga kita nanti.”
M/RH/S252	Teman saya ini sememangnya pencinta muzik.
M/RH/S253	Dia sendiri pun bukan sekadar pandai bermain alat muzik, malah merupakan seorang penggubah lagu yang cukup berbakat.
M/RH/S254	Sepanjang petang itu, dia asyik menghayati alunan muzik yang disajikan.
M/RH/S255	Sesekali, jari-jemarinya menari mengikut irama yang dimainkan.
M/RH/S256	Wajahnya yang tenang dan tampak tersenyum serta matanya yang redup itu tampak lain sangat daripada wajah Holmes yang serius cuba menyelesaikan pelbagai kes.
M/RH/S257	Holmes, ejen pembanteras jenayah yang tidak tahu penat, tangkas, cekap serta sentiasa siaga.
M/RH/S258	Holmes sememangnya ada dua sifat yang amat bertentangan dan saling bersilih ganti.

M/RH/S259	Dan, saya sering merasakan ketangkasan dan ketepatannya menilai sesuatu adalah caranya mengimbangi kecintaannya dalam dunia seni muzik yang sesekali membuainya dalam keasyikan.
M/RH/S260	“Sekiranya doktor hendak balik, balikkah dulu,” kata Holmes sebaik kami keluar dari Dewan St. James.
M/RH/S261	“Tuan hendak ke mana pula?”
M/RH/S262 (i) M/RH/S262 (ii) M/RH/S262 (iii)	“Saya ada urusan sedikit yang perlu saya selesaikan. Mungkin makan masa sikit. Urusan di Coburg Square ini betul-betul serius.”
M/RH/S263 (i) M/RH/S263 (ii)	“Serius? Mengapa?”
M/RH/S264 (i) M/RH/S264 (ii) M/RH/S264 (iii) M/RH/S264 (iv)	“Ada jenayah besar yang sedang diatur di sana. Kita mesti berhati-hati supaya dapat membanteras jenayah ini tepat pada masanya. Tetapi, memandangkan hari ini hari Sabtu, agak sulitlah sedikit. Tetapi, malam nanti, saya perlukan bantuan tuan.”
M/RH/S265	“Pukul berapa?”
M/RH/S266	“Sekiranya pukul sepuluh itu, elok sangatlah.”
M/RH/S267	“Saya akan berada di Baker Street pada pukul 10 nanti.”
M/RH/S268 (i) M/RH/S268 (ii) M/RH/S268 (iii)	“Tetapi, misi kita malam ini nanti agak berbahaya, Doktor. Jadi, pastikan tuan bawa revolver tuan. Jangan lupa isi peluru.”
M/RH/S269	Lalu dia mengangkat tangannya sebagai tanda minta diri, lalu terus mengatur langkah dan menghilang di celah-celah orang ramai itu.
M/RH/S270	Saya yakin saya tidaklah sebodoh teman-teman saya yang lain, tetapi saya sering berasa rendah diri dengan kebodohan saya semasa berdepan dengan Sherlock Holmes.
M/RH/S271	Dalam kes ini, contohnya, saya dengar segala-gala yang dia dengar, dan saya tengok segala-gala yang dia tengok, tetapi daripada kata-katanya tadi, jelas dia bukan sahaja nampak apa yang berlaku tetapi juga apa yang akan berlaku; sedangkan saya masih lagi terpinga-pinga mencari jawapan.
M/RH/S272	Sewaktu memandu pulang ke rumah saya di Kensington, saya cuba memikirkan semula segala-galanya, daripada kisah penyalin <i>Encyclopaedia Britannica</i> yang pelik itu hinggalah lawatan kami ke Saxe-Coburg Square, dan pesanan daripada Holmes tadi.

M/RH/S273	Apa misi yang akan dilaksanakan malam nanti?
M/RH/S274	Dan, mengapa saya mesti membawa senjata api?
M/RH/S275	Ke mana kami hendak pergi, dan apa yang akan kami lakukan?
M/RH/S276	Daripada kata-kata Holmes, saya dapat bayangkan pembantu kedai pajak gadai itu seorang yang licik dan berbahaya, yang mungkin memainkan peranan penting dalam kes ini.
M/RH/S277	Saya cuba menyelesaikan teka-teki ini tetapi tidak berhasil lalu saya lupakan dahulu buat sementara kerana saya pasti akan menemui jawapannya malam nanti.
M/RH/S278	Tepat pukul sembilan lima belas, saya meninggalkan rumah saya menuju Baker Street.
M/RH/S279	Dua lelaki berdiri di pintu masuk pejabat kami.
M/RH/S280	Kedengaran suara orang sedang berbincang.
M/RH/S281	Semasa melangkah masuk, saya nampak Holmes sedang serius berbincang dengan dua orang lelaki.
M/RH/S282	Yang seorang itu memang saya kenal, Tuan Peter Jones, detektif dari pejabat polis, manakala seorang lagi berwajah bujur dan sugul, memakai topi berkilat dan kot labuh yang tampak kemas dan rapi.
M/RH/S283	“Ha! Semuanya sudah ada di sini,” kata Holmes sambil mengancingkan butang kotnya dan mencapai kelengkapan berburunya dari atas rak.
M/RH/S284 (i) M/RH/S284 (ii)	“Watson, saya pasti tuan kenal Tuan Jones, dari Balai Polis Scotland Yard. Yang ini pula Tuan Merryweather, dia akan menyertai kita dalam misi kita malam ini.”
M/RH/S285	“Kita akan bergerak dua-dua, Doktor,” kata Jones bersahaja.
M/RH/S286 (i) M/RH/S286 (ii)	“Rakan kita ini memang cekap memburu penjenayah. Apa yang diperlukannya hanyalah anjing tua bagi membantunya menumpaskan penjenayah itu nanti.”
M/RH/S287	“Harap-harap apa yang kita buru ini betul-betul penjenayah, dan bukannya orang yang tidak bersalah,” jawab Merryweather serius tetapi sinis.
M/RH/S288	“Tuan, tuan janganlah sangsi dengan kemampuan Tuan Holmes,” ujar detektif itu dengan penuh yakin.
M/RH/S289 (i) M/RH/S289 (ii) M/RH/S289 (iii)	“Dia ada caranya yang tersendiri. Dan, tidak keterlaluan sekiranya saya katakan dia mempunyai banyak teori yang mengagumkan. Tetapi, dia memang mempunyai bakat detektif.

M/RH/S289 (iv)	Pernah beberapa kali, seperti dalam kes pembunuhan Sholto dan harta karun Agra dulu, dia dapat menyelesaikannya lebih baik daripada apa yang dilakukan oleh pihak polis.”
M/RH/S290	“Baiklah, sekiranya tuan kata begitu,” ujar Merryweather dengan nada yang agak berbeza sedikit.
M/RH/S291 (i) M/RH/S291 (ii)	“Tetapi, saya tetap teringat-ingat perlawanan besbol saya. Inilah malam minggu pertama sejak dua puluh tujuh tahun menjadi anggota polis saya tidak bermain besbol.”
M/RH/S292 (i) M/RH/S292 (ii)	“Saya pasti,” kata Holmes, “tuan akan menyaksikan perlawanan yang lebih besar daripada apa yang pernah tuan lihat sebelum ini, dan perlawanan ini memangnya dijangka menarik. Tuan Merryweather, taruhan tuan sendiri pada malam ini adalah sekitar £30,000, bagi Tuan Jones pula, tuan akan dapat penjenayah yang tuan cari-cari selama ini.”
M/RH/S293 (i) M/RH/S293 (ii) M/RH/S293 (iii) M/RH/S293 (iv) M/RH/S293 (v) M/RH/S293 (vi) M/RH/S293 (vii) M/RH/S293 (viii) M/RH/S293 (ix)	“John Clay, seorang pembunuh, pencuri, pemusnah, dan pemalsu. Dia masih muda lagi, Tuan Merryweather, tetapi cukup cekap dalam profesionnya. Dan, saya memang hendak sangat kerjakan dia lebih daripada saya hendak kerjakan penjenayah lain di London ini. Memang cukup licik dan bijak orangnya. Datuknya dulu keluarga diraja, dan dia sendiri pernah menuntut di Eton dan Oxford. Gerak-gerinya licik dan tangkas, setangkas akalunya. Sudah beberapa kali kami terhidu kehadirannya, tetapi kami belum dapat mengesan di mana sebenarnya dia berada. Hari ini kami dengar dia merompak di Scotland, dan tidak lama kemudian kami dengar dia mengumpulkan dana bagi membina rumah anak-anak yatim pula di Cornwall. Sudah bertahun-tahun lamanya saya cuba mengesan dia, tetapi masih belum dapat bersua dengannya lagi.”
M/RH/S294 (i) M/RH/S294 (ii) M/RH/S294 (iii) M/RH/S294 (iv) M/RH/S294 (v)	“Saya harap saya dapat memperkenalkan tuan kepadanya nanti. Saya pun ada satu dua perkara yang hendak saya selesaikan dengan John Clay ini, dan saya akui memang dia seorang yang bijak dan cekap. Sekarang sudah pukul 10.10. Eloklah kita beransur. Sekiranya tuan berdua naik teksi yang pertama, Watson dan saya akan susul dengan teksi yang kedua.”
M/RH/S295	Sherlock Holmes tidak banyak bercakap semasa dalam perjalanan yang agak lama itu.
M/RH/S296	Dia hanya bersandar di tempat duduk belakang sambil mengalunkan irama yang dimainkan dalam orkestra siang tadi.
M/RH/S297	Kami bergerak di celah-celah lorong yang berselirat dan diterangi oleh lampu gasolin sehinggalah kami muncul di Farrington Street.
M/RH/S298	“Kita sudah hampir sampai,” kata Holmes.
M/RH/S299 (i) M/RH/S299 (ii) M/RH/S299 (iii)	“Merryweather itu pengarah bank, dan memang mengambil berat akan hal ini. Saya rasa elok kita bawa Jones sekali. Dia itu bagus orangnya, cuma tidak berapa cekap dalam profesionnya.

M/RH/S299 (iv) M/RH/S299 (v) M/RH/S299 (vi) M/RH/S299 (vii)	Dia ada sikap yang cukup positif. Berani seperti harimau dan tekun seperti anai-anai apabila memberkas penjenayah. Sudah sampai pun. Mereka sedang menunggu kita.”
M/RH/S300	Kami tiba di jalan sesak yang kami lalui pagi tadi.
M/RH/S301	Selesai membayar tambang, teksi kami pun terus beredar, dan, dengan dipandu Tuan Merryweather, kami menyusur sebatang lorong sempit melalui pintu sisi yang dibuka Tuan Merryweather.
M/RH/S302	Di dalam lorong ini ada koridor kecil yang membawa kami ke pagar besi yang besar dan tampak kukuh.
M/RH/S303	Pagar ini juga dibuka, dan kami kemudian menuruni tangga batu yang berpilin dan membawa kami ke satu lagi pintu pagar yang tampak menggerunkan.
M/RH/S304	Tuan Merryweather berhenti bagi menyalakan lampu minyak, dan menyuruh kami menuruni lorong yang gelap dan berbau tanah, dan selepas membuka pintu yang ketiga, kami masuk ke dalam sebuah bilik kebal yang besar dan berbumbung melengkung.
M/RH/S305	Tong kayu yang besar-besar disusun bertindan di kiri dan kanan bilik ini.
M/RH/S306	“Nampaknya, bank tuan ini sukar dibolosi dari atas,” kata Holmes sambil mengangkat lampu minyak dan memandang tepat muka Tuan Merryweather.
M/RH/S307	“Dari bawah pun begitu juga,” jawab Tuan Merryweather, sambil mengetuk-ngetukkan tongkatnya pada jubin batu lantai bilik itu.
M/RH/S308	“Eh, mengapa bunyinya seperti lompong sahaja?” soalnya dengan nada yang terkejut bercampur gemetar.
M/RH/S309	“Jangan bisung!” kata Holmes dengan nada yang tegas.
M/RH/S310 (i) M/RH/S310 (ii)	“Tuan sudah menggugat kejayaan ekspedisi kita ini. Ada baiknya tuan duduk di sana dan tolong jangan masuk campur!”
M/RH/S311	Mendengarkan arahan Holmes itu, Tuan Merryweather terus duduk di atas tong yang ada di situ dengan muka yang masam.
M/RH/S312	Holmes pula terus melutut di atas lantai, dengan menggunakan lampu minyak dan kanta, dia memeriksa dengan teliti retak-retak di antara kepingan jubin batu itu.
M/RH/S313	Beberapa minit kemudian, dia bingkas bangun dan menyimpan semula kantanya ke dalam saku.
M/RH/S314 (i) M/RH/S314 (ii)	“Kita ada lebih kurang sejam sahaja,” katanya, “sebab mereka tidak akan dapat berbuat apa-apa selagi Jabez Wilson belum tidur. Lepas itu nanti, mereka akan bergerak pantas sebab lagi cepat kerja mereka siap, lagi lamalah masa mereka dapat melarikan diri.

M/RH/S314 (iii) M/RH/S314 (iv)	Sekarang ini Doktor, kita berada di dalam kolong bawah tanah salah sebuah bank terkemuka di London. Tuan Merryweather ialah pengerusi bank ini dan beliau akan menerangkan kepada tuan mengapa ramai penjenayah di London begitu berminat dengan kolong ini sekarang.”
M/RH/S315	“Sebab jongkong emas Perancis kami,” jawab Tuan Merryweather perlahan.
M/RH/S316	“Memang kami terima banyak amaran berkenaan cubaan mencuri syiling emas ini.”
M/RH/S317	“Syiling emas Perancis?”
M/RH/S318 (i) M/RH/S318 (ii) M/RH/S318 (iii) M/RH/S318 (iv) M/RH/S318 (v)	“Betul. Beberapa bulan yang lalu, kami mengambil keputusan mahu mengukuhkan modal kami lalu kami meminjam 30,000 Napoleon dari Bank Perancis. Ramai yang tahu, kami belum menukar syiling emas ini kepada wang tunai dan syiling ini semuanya masih ada di dalam kolong ini. Tong yang saya duduki ini pun mengandungi 2,000 napoleon yang dibungkus dengan kerajang timah. Rizab syiling emas kami pada masa kini adalah yang terbanyak pernah disimpan di mana-mana bank cawangan, dan semua anggota pengarah sememangnya bimbang dengan keselamatan emas ini.”
M/RH/S319	“Memang patut pun mereka berasa bimbang,” kata Holmes.
M/RH/S320 (i) M/RH/S320 (ii) M/RH/S320 (iii)	“Sekarang, mari kita atur rancangan kita. Dalam masa satu jam, saya jangka penjahat-penjahat itu akan memulakan operasi mereka. Kita mesti sorokkan lampu minyak ini.”
M/RH/S321	“Kita bergelap?”
M/RH/S322 (i) M/RH/S322 (ii) M/RH/S322 (iii) M/RH/S322 (iv) M/RH/S322 (v) M/RH/S322 (vi) M/RH/S322 (vii) M/RH/S322 (viii) M/RH/S322 (ix)	“Ya. Saya ada bawa daun terup, dan sambil kita <i>partie carree</i> , tuan bolehlah berlatih silap mata tuan. Tetapi, nampaknya penjahat yang kita tunggu-tunggu ini sudah cukup bersedia, sebab itulah kita mesti bergelap. Sebelum itu, kita juga mesti tentukan posisi kita dulu. Penjahat ini memang berani. Sekalipun kita bergelap dan boleh menangkap mereka, mereka akan berbuat apa sahaja melainkan kita betul-betul berhati-hati. Saya akan menyorok di belakang tong yang ini, dan tuan di belakang yang sana itu. Sebaik sahaja saya suluh mereka, cepat-cepat hampiri mereka. Sekiranya mereka melepaskan tembakan, jangan teragak-agak menembak mereka.”
M/RH/S323	Saya meletakkan revolver saya yang penuh berisi peluru di atas tong kayu yang melindungi saya.
M/RH/S324	Holmes pun menutup celahan tempat keluarnya cahaya di hadapan lampu minyaknya, dan kami pun bergelap, gelap-gelita yang belum pernah saya alami sebelum ini.
M/RH/S325	Hanya bau besi terbakar dan bau jelaga lampu itu sahaja yang meyakinkan kami yang lampu itu masih menyala, dan bila-bila masa sahaja akan

	menerangi kolong itu apabila penutupnya dibuka.
M/RH/S326	Semangat saya yang tadinya begitu berkobar-kobar seperti diusik suasana yang gelap pekat dan udara sejuk di dalam kolong itu.
M/RH/S327	“Mereka cuma ada satu sahaja jalan keluar,” bisik Holmes.
M/RH/S328 (i) M/RH/S328 (ii)	“Patah balik ke dalam rumah dan keluar ke Saxe-Coburg Square. Tuan Jones, saya harap tuan sudah buat apa yang saya minta tadi.”
M/RH/S329	“Saya sudah arahkan seorang inspektor dan dua pegawai polis mengawal pintu hadapan.”
M/RH/S330 (i) M/RH/S330 (ii)	“Sekiranya begitu, kita sudah tutup semua laluan keluar mereka. Dan, sekarang kita tunggu sahaja di sini.”
M/RH/S331	Alangkah lambatny waktu berlalu!
M/RH/S332	Kami berada di dalam kolong gelap itu selama sejam suku, tetapi terasa seperti sepanjang malam.
M/RH/S333	Kaki saya pun sudah mula terasa kebas-kebas sebab saya takut hendak bergerak.
M/RH/S334	Namun begitu, pancaindera saya cukup peka, dan telinga saya seperti telinga lintah, hatta hembusan nafas mereka yang ada di dalam kolong itu pun dapat saya dengar dengan jelas.
M/RH/S335	Malah nafas mendengus Jones yang gempal dengan nafas cemas si pengarah bank yang kurus itu pun dapat saya kenal.
M/RH/S336	Dari kedudukan saya itu, saya dapat melihat keseluruhan situasi, termasuk lantai kolong itu.
M/RH/S337	Tiba-tiba saya nampak kerdipan cahaya.
M/RH/S338	Mulanya ia hanyalah sinaran cahaya yang memarah jubin batu lantai.
M/RH/S339	Kemudian, cahaya itu semakin memanjang hinggalah membentuk garis kuning yang padu yang mengelilingi kepingan jubin.
M/RH/S340	Tiba-tiba, kepingan jubin itu ditolak perlahan-lahan dan kelihatan tangan yang berkulit cerah, seakan-akan tangan perempuan di tengah-tengah lubang yang tadinya ditutupi jubin itu.
M/RH/S341	Selama sekitar dua minit, tangan itu terjojol keluar dari lantai lohong dengan jari-jemarinya menggeliat-liat seolah-olah tuannya sedang memikirkan sesuatu.
M/RH/S342	Kemudian, dalam sekelip mata, tangan itu lenyap, dan segala-galanya kembali gelap-gelita kecuali alur cahaya samar yang mencuri masuk dari rekahan jubin batu itu.

M/RH/S343	Bagaimanapun, lenyapnya hanya buat sementara sahaja.
M/RH/S344	Tidak lama kemudian terdengar bunyi batu diseret dan diengsot, dan satu daripada kepingan jubin yang besar ditolak hingga terbalik lalu mendedahkan sebuah lubang segi empat yang menghamburkan sinaran cahaya lampu minyak ke dalam kolong yang tadi gelap gelita.
M/RH/S345	Di bebibir lubang itu, kelihatan wajah lelaki muda yang agak kemas dan tampan.
M/RH/S346	Dengan memautkan tangannya pada bebibir lubang itu, dia melonjakkan badannya, hingga lututnya singgah di tebing lubang itu.
M/RH/S347	Tidak lama kemudian, dia membongkok ke lubang itu dan menarik naik temannya, seorang lelaki bertubuh kecil dan ricih, berwajah pucat dan alangkah terkejutnya saya tatkala terpandang akan rambutnya, merah menyala.
M/RH/S348	“Semuanya okey,” bisiknya.
M/RH/S349 (i) M/RH/S349 (ii) M/RH/S349 (iii) M/RH/S349 (iv)	“Kamu ada bawa pahat dan beg? Bagus, Scott! Lompat Archie! Lompat dan hayun kuat-kuat!” sorak Archie sambil menjengkit hendak membenamkan pahat pada salah satu tong kayu bagi mengumpul tutupnya.
M/RH/S350	Sherlock Holmes lantas melompat keluar dan menyambar kolar baju penjahat itu.
M/RH/S351	Penjahat yang seorang lagi sempat terjun ke dalam lubang, dan saya terdengar bunyi carikan bajunya yang disentak Jones.
M/RH/S352	Cahaya lampu minyak yang diletakkan di atas tong menyuluh tepat pada laras senapang Holmes yang diletakkan di atas tong kayu tadi, tetapi senjata itu melurut ke atas lengan penjahat itu lalu terhempas ke lantai.
M/RH/S353	“Kamu sudah terperangkap, John Clay,” kata Holmes dengan nada mencerca.
M/RH/S354	“Kamu memang sudah tidak boleh lari lagi.”
M/RH/S355	“Betulkah?” jawab John Clay dengan cukup selamba.
M/RH/S356	“Bukankah rakan saya tadi sudah lepas lari, walaupun awak sudah cacatkan ekor kotnya,” jawab Jones merujuk temannya yang berambut merah tadi.
M/RH/S357	“Ada tiga orang anggota polis menunggunya di pintu hadapan sana,” kata Holmes.
M/RH/S358 (i) M/RH/S358 (ii)	“Oh, macam itu! Nampaknya tuan sudah membuat persiapan yang cukup rapi.

M/RH/S358 (iii)	Tahniahlah.”
M/RH/S359	“Idea Liga Rambut Merah kamu itu memang satu idea yang pintar dan berkesan,” jawab Holmes.
M/RH/S360	“Sebentar lagi, dapatlah kamu berjumpa semula dengan teman kamu itu,” kata Jones.
M/RH/S361 (i) M/RH/S361 (ii)	“Dia lebih cekap terjun daripada saya. Tunggu sekejap, saya hendak buang debu ini dahulu.”
M/RH/S362	“Saya harap tuan tidak menyentuh saya dengan tangan tuan yang kotor itu,” kata penjahat kami semasa gari dikancing di lengannya.
M/RH/S363	“Buat pengetahuan Tuan, saya berketurunan raja. Dan, kalau hendak memanggil saya, panggillah ‘tuan’ dan sebut ‘sila. ’”
M/RH/S364	“Baiklah,” jawab Jones sambil menahan perut kerana geli hati dan meluat.
M/RH/S365	“Persilakan tuan naik ke atas supaya kita dapat tahan teksi bagi membawa Tuanku ke balai polis.”
M/RH/S366	“Ha, macam itulah!” jawab Jones dengan puas.
M/RH/S367	Dia tunduk santun melewati kami dan terus berjalan diiringi pegawai polis.
M/RH/S368	“Tuan Holmes,” ujar Tuan Merryweather semasa kami mengekori mereka dari kolong.
M/RH/S369 (i) M/RH/S369 (ii) M/RH/S369 (iii)	“Saya benar-benar tidak tahu bagaimana hendak mengucapkan terima kasih kepada tuan. Jasa tuan kepada bank memang tidak terbalas. Sesungguhnya, tuan berjaya mengesan dan menumpaskan satu cubaan merompak yang cukup terancang yang pernah saya dengar.”
M/RH/S370	“Ada beberapa perkara lagi yang perlu saya selesaikan dengan John Clay,” kata Holmes.
M/RH/S371 (i) M/RH/S371 (ii) M/RH/S371 (iii) M/RH/S371 (iv)	“Dan, saya juga ada mengeluarkan sedikit belanja bagi menyelamatkan bank tuan. Yang itu nanti, saya akan tuntutan. Harap-harap tuan tidak keberatan. Berkenaan upah dan ganjaran lain itu, Tuan janganlah bimbang sebab pengalaman unik yang saya timba ini pun sudah cukup untuk saya, lebih-lebih lagi muslihat Liga Rambut Merah yang memang lain daripada yang lain.”
M/RH/S372 (i) M/RH/S372 (ii)	“Sebenarnya, Watson...,” jelas Holmes berkenaan pakatan ini pada suatu pagi ketika kami bersantai menghirup kopi, “dari awal lagi sudah tampak jelas muslihat tawaran hebat liga itu dan kerja menyalin ensiklopedia itu, hanyalah bagi membuat Tuan Wilson yang tidak berapa cerdas itu keluar dari kedainya selama beberapa jam sehari. Memang cara yang mereka lakukan itu pelik dan menimbulkan banyak tanda tanya, namun tidak ada cara yang lebih baik lagi bagi membuat dia

M/RH/S372 (iii) M/RH/S372 (iv) M/RH/S372 (v) M/RH/S372 (vi) M/RH/S372 (vii) M/RH/S372 (viii) M/RH/S372 (ix)	keluar dari kedainya. Semua ini memang idea John Clay, dengan menggunakan helah warna rambut Wilson. Upah sebanyak £4 seminggu itu memang terlalu menarik bagi dilepaskan. Apalah sangat nilai £4 itu sekiranya hendak dibandingkan dengan apa yang bakal mereka raih. Jadi, mereka buat iklan. Yang seorang tunggu di pejabat sementara, manakala yang seorang lagi memujuk Wilson bagi mencuba nasib. Dengan cara ini, mereka dapat pastikan Wilson keluar dari kedainya setiap pagi. Tatkala saya dengar yang pembantu itu sanggup bekerja dengan separuh gaji, saya yakin dia ada motif yang cukup kukuh bagi memastikan dia dapat bekerja di kedai Wilson.”
M/RH/S373	“Tetapi, macam mana Tuan mengagak motif Clay itu?”
M/RH/S374	“Sekiranya di dalam rumah itu ada orang perempuan, saya mungkin mengesyaki ada komplot yang tidak manis.
M/RH/S375	Maklumlah macam-macam perkara tidak baik yang boleh dilakukan pembantu itu dengan memperalatkan perempuan.
M/RH/S376	Tetapi di rumah Wilson tiada perempuan.
M/RH/S377	Rumah kedai Wilson itu pula kecil dan tiada apapun di dalam rumah itu yang memerlukan mereka membuat persiapan yang lama, berbulan-bulan.
M/RH/S378	Di samping itu, belanja yang mereka keluarkan bagi membayar upah Wilson itu memang lumayan.
M/RH/S379	Jadi, tentulah apa yang mereka buru itu ada di luar rumah itu.
M/RH/S380	Tetapi apa?
M/RH/S381	Saya cuba kaitkan hobi pembantu itu yang suka menangkap gambar dan helahnya yang suka memerap di dalam kolong bawah tanah itu.
M/RH/S382	Kolong itulah yang memandu saya bagi menyelesaikan kes ini.
M/RH/S383	Selepas saya menyiasat latar belakang pembantu ini, rupa-rupanya saya sedang berdepan dengan seorang daripada penjenayah paling berbahaya dan licik di London.
M/RH/S384	Dia ada projek di kolong itu, suatu yang memakan masa berjam-jam dan berbulan-bulan untuk diselesaikan.
M/RH/S385	Saya tidak dapat membayangkan perkara lain selain dia sedang membina terowong bagi ke bangunan lain.
M/RH/S386 (i) M/RH/S386 (ii)	“Dengan hipotesis ini, kita sama-sama mengunjungi tempat misteri ini sebab saya mahu mendapatkan kepastian, sebab itulah saya menghentak-hentakkan tongkat saya ke kaki lima jalan. Saya cuba hendak memastikan sama ada kolong itu mengunjur di depan ataupun di belakang rumah kedai Wilson.

M/RH/S386 (iii)	Pasti, bukan di depan.
M/RH/S386 (iv)	Kemudian, saya pun menekan loceng, dan, seperti yang dijangkakan, pembantu itu yang membuka pintu.
M/RH/S386 (v)	Kami saling berpandangan, tetapi saya tidak berapa perasan wajahnya.
M/RH/S386 (vi)	Saya bukannya hendak kenal mukanya, sebaliknya saya hendaklah melihat kaki seluarnya.
M/RH/S386 (vii)	Pasti Tuan pun perasan betapa lusuh, comot dan berkedutnya seluar pembantu itu, akibat kerja menggali terowong yang sekian lama.
M/RH/S386 (viii)	Cuma, ke mana terowong itu menghala dan untuk apa?
M/RH/S386 (xi)	Saya berjalan hingga ke hujung blok kedai dan melewati blok yang di belakang.
M/RH/S386 (x)	Nah!
M/RH/S386 (xi)	Bank City and Suburban rupanya bersempadan dengan kedai Wilson.
M/RH/S386 (xii)	Ketika itu, saya pasti saya sudah dapat menyelesaikan teka-teki ini.
M/RH/S386 (xiii)	Semasa Tuan memandu pulang selepas konsert itu, saya menghubungi pihak polis dan pengerusi lembaga pengarah bank dan menerangkan kepada mereka apa yang telah saya temui.”
M/RH/S387	“Macam pula Tuan tahu mereka akan melakukan rompakan itu malam ini? tanya saya.
M/RH/S388 (i)	“Apabila mereka tutup pejabat Liga itu, bermakna mereka sudah tidak peduli lagi dengan kehadiran Tuan Wilson — terowong mereka sudah siap.
M/RH/S388 (ii)	Dan, mereka perlu memanfaatkannya secepat mungkin, sebab sekiranya ada pihak tahu berkenaan terowong itu, pasti syiling emas itu akan dipindahkan ke tempat lain.
M/RH/S388 (iii)	Hari Sabtu adalah hari yang paling baik sebab mereka ada dua hari bagi melarikan diri sebelum bank dibuka semula pada hari Isnin.
M/RH/S388 (iv)	Itulah sebabnya saya menjangka mereka akan menjalankan operasi jahat mereka itu malam ini.”
M/RH/S389 (i)	“Memang cantik!
M/RH/S389 (ii)	Pada awalnya tampak cukup rumit dan kusut, tetapi Tuan berjaya merungkai satu persatu petunjuk yang ada,” puji saya.
M/RH/S390	Sememangnya saya kagum dengan kepintaran Holmes menyelesaikan kes yang cukup unik ini.
M/RH/S391	“Setidak-tidaknya, terisilah masa hujung minggu saya dengan perkara yang berfaedah,” jawabnya sambil menguap.
M/RH/S392	“Tuan memang banyak berjasa kepada masyarakat,” kata saya.
M/RH/S393	“Entahlah,” jawab Holmes sambil mengangkat bahunya.
M/RH/S394	“Kalau adapun,... tidaklah sebesar mana jasa saya itu, Watson,” ujar Holmes merendah diri.
M/RH/S395	“Bukankah nenek moyang kita ada berkata, sepandai-pandai tupai melompat, jatuh ke tanah juga.
M/RH/S396	Tupainya ada depan mata, kita burulah sungguh-sungguh.

M/RH/S397

Sekiranya tidak dipecahkan ruyung, masakan dapat sagunya.